## Bahagian A

[60 *markah*]

Jawab ***semua*** soalan di bahagian ini.

1 (*a*) Maklumat berikut berkaitan dengan satu faktor pengeluaran.




Jelaskan faktor pengeluaran tersebut.

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

[4 *markah*]

(*b*)(i) Maklumat berikut berkaitan dengan satu keadaan di sebuah negara

> Jasin – Kerajaan negeri berhasrat memastikan lebih banyak rumah mampu milik dibangunkan bagi membantu golongan B40 dan M40 memiliki rumah.
>
> *Sumber : Ubahsuai daripada Melaka Hari Ini.*

Nyatakan sistem ekonomi tersebut

…………………………………………………………………………………

[1 *markah*]

(ii) Mengapakah kerajaan melakukan tindakan tersebut?

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

[3 *markah*]

(*c*) Dengan bantuan rajah, jelaskan hukum permintaan bagi suatu barang.

…………………………………………………………………………………………..

…………………………………………………………………………………………..

…………………………………………………………………………………………..

…………………………………………………………………………………………..

…………………………………………………………………………………………..

…………………………………………………………………………………………..

[6 *markah*]

(*d*) Jadual berikut menunjukkan keanjalan harga penawaran.

| Barang | % Perubahan Harga | % Perubahan Kuantiti |
|---|---|---|
| Meja | 35 | 42 |

(i) Hitung keanjalan harga barang di atas.

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan jenis keanjalan penawaran barang tersebut

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

[4 *markah*]

2 (*a*) Gambar berikut berkaitan dengan institusi kewangan yang terdapat di Malaysia.



Gambar 1

(i) Nyatakan institusi kewangan tersebut.

……………………………………………………………………………………………...

[1 *markah*]

(ii) Terangkan dua fungsi institusi kewangan tersebut.

……………………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………………...

[4 *markah*]

(*b*) Bagaimana kadar faedah mempengaruhi jumlah ansuran bulanan dalam pembelian kredit

……………………………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………………………..

[4 *markah*]

(*c*) Gambar berikut menunjukkan jenis-jenis pelaburan.




Gambar 1




Gambar 2

Bezakan jenis pelaburan bagi gambar di atas.

……………………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………………...

[4 *markah*]

(*d*) Jadual 1 berikut menunjukkan fungsi pengeluaran sebuah firma yang mengeluarkan baju kemeja bagi sebuah firma.

| Mesin (Unit) | Buruh (Orang) | Jumlah Keluaran (TP) | Keluaran Purata (AP) | Keluaran Marginal (MP) |
|---|---|---|---|---|
| 2 | 0 | 0 | - | - |
| 2 | 1 | 5 | 5 | 5 |
| 2 | 2 | 11 | 5.5 | 6 |
| 2 | 3 | 20 | 6.67 | Y |
| 2 | 4 | 26 | 6.5 | 6 |
| 2 | 5 | 31 | 6.2 | 5 |
| 2 | 6 | 35 | X | 4 |
| 2 | 7 | 37 | 5.28 | 2 |
| 2 | 8 | 37 | 4.63 | 0 |
| 2 | 9 | 35 | 3.89 | -2 |
| 2 | 10 | 32 | 3.2 | -3 |

Jadual 1

(i) Berapakah nilai **X** dan **Y**?

…………………………………………………………………………………...

…………………………………………………………………………………...

…………………………………………………………………………………...

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan keadaan tahap pengeluaran pada buruh 4 hingga 8 unit?

…………………………………………………………………………………...

…………………………………………………………………………………...

…………………………………………………………………………………...

…………………………………………………………………………………...

…………………………………………………………………………………...

…………………………………………………………………………………...

[4 *markah*]

3 (*a*) Maklumat berikut berkaitan dengan satu insentif yang disediakan kepada penjawat awam.

> Kuala Lumpur : Kerajaan dicadang menaikkan elaun bantuan sara hidup (COLA) secara bersasar dalam usaha membantu meringan beban kos sara hidup penjawat awam.
>
> *Sumber : Ubahsuai daripada Bernama*

Mengapa kerajaan perlu menawarkan insentif tersebut?

………………………………………………………………………………………...

………………………………………………………………………………………...

………………………………………………………………………………………...

………………………………………………………………………………………...

………………………………………………………………………………………...

[4 *markah*]

3 (*b*) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis cukai.




Maklumat 1




Maklumat 2

Bandingkan jenis cukai di atas.

………………………………………………………………………………………...

………………………………………………………………………………………...

………………………………………………………………………………………...

………………………………………………………………………………………...

………………………………………………………………………………………...

………………………………………………………………………………………...

………………………………………………………………………………………...

[5 *markah*]

3 (*c*) Jelaskan kebaikan sekatan perdagangan ke atas sesebuah negara?

……………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………...

[5 *markah*]

3 (*d*) Maklumat berikut berkaitan kadar pertukaran asing Malaysia berbanding Amerika Syarikat.

| | Harga Jualan | Harga Belian |
|---|---|---|
| 1 Januari 2024 | USD 1 = RM 4.59 | USD 1= RM 4.55 |
| 1 Januari 2025 | USD 1 = RM 4.47 | USD 1 = RM 4.43 |

Seorang pengimport dari Malaysia membuat keputusan untuk membeli jentera dari Amerika Syarikat bernilai USD 60000 pada 1 Januari 2024. Beliau membuat Keputusan untuk mengekalkan pembelian yang sama pada 1 Januari 2025

(i) Hitung nilai pembelian dalam Ringgit Malaysia pada 1 Januari 2025.

……………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………………...

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan kesan perubahan kadar pertukaran asing tersebut ke atas imbangan dagangan Malaysia.

…………………………………………………………………………………………...

…………………………………………………………………………………………...

…………………………………………………………………………………………...

…………………………………………………………………………………………...

…………………………………………………………………………………………...

…………………………………………………………………………………………...

[4 *markah*]

.

## Bahagian B

[40 *markah*]

*Jawab mana-mana* **dua** *soalan di bahagian ini.*

4 Maklumat berikut berkaitan dengan dasar kewangan BNM.




BNM menetapkan OPR untuk mempengaruhi kadar kegiatan ekonomi. Sejak OPR diperkenalkan pada tahun 2004, BNM telah membuat banyak pelarasan pada OPR, iaitu menaikkan dan mengurangkannya mengikut keperluan ekonomi.

(a)(i) Nyatakan situasi ketidakstabilan ekonomi pada tahun 2020. [1 *markah*]

(ii) Mengapakah berlaku situasi di 1a(i) [4 markah]

(b) Bagaimanakah tindakan BNM menurunkan paras OPR serendah 1.75% dapat mengawal ketidakstabilan tersebut? [6 *markah*]

(c) Bincangkan kesan tindakan Bank Negara Malaysia pada bulan September 2024 terhadap ekonomi negara. [9 *markah*]

5 Maklumat berikut berkaitan kenaikan harga roti dalam pasaran.

> **Kuala Lumpur:** Gardenia KL mengesahkan beberapa produknya akan dijual dengan harga Baharu mulai 1 September. Pihak pengurusan Gardenia KL berkata, bermula tarikh itu, enam produknya akan dijual dengan harga baharu yang mana membabitkan kenaikan antara 10 sen hingga 50 sen ekoran peningkatan kos bahan mentah yang berada di luar kawalan kerajaan.
>
> *Sumber : https://www.astroawani.com/berita-malaysia*

(a) Berdasarkan maklumat di atas, huraikan jenis inflasi yang berlaku [4 *markah*]

(b) Dengan bantuan rajah, jelaskan tindakan Gardenia tersebut ke atas permintaan individu. [7 *markah*]

(c) Cadangkan langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat akibat kenaikan harga barangan [9 *markah*]

6 Maklumat berikut berkaitan dengan belanjawan negara.

> Bajet 2024 memperuntukkan RM6.6 bilion bagi memperkasa bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk memenuhi permintaan pekerja keperluan industri. Dr Mohd Azlan berkata, melalui ekosistem TVET yang kukuh, negara akan dapat menyelesaikan isu kebergantungan kepada tenaga kerja asing, membasmi isu keciciran akademik pada generasi remaja, mengurangkan jurang antara kualiti graduan dan keperluan industri, meningkatkan kemahiran komuniti di kawasan luar bandar serta menjadikan TVET pilihan utama pelajar.
>
> *Sumber : https://www.hmetro.com.my/akademia*

(a) Berdasarkan maklumat di atas, jelaskan jenis perbelanjaan kerajaan yang telah diperuntukan [4 *markah*]

(b) Mengapakah Kerajaan ingin memperkasakan bidang TVET [7 *markah*]

(c) Pembangunan TVET yang dilaksanakan oleh kerajaan ini membantu negara mencapai objektif makroekonomi.
Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas?
Kemukakan alasan anda. [9 *markah*]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk sekatan perdagangan antarabangsa.

> PADA 9 April, Amerika Syarikat (AS) akan melaksanakan tarif sebanyak 24% ke atas beberapa produk eksport dari Malaysia. Langkah ini merupakan sebahagian daripada tindakan perdagangan yang diambil oleh kerajaan AS untuk melindungi industri tempatan mereka atau sebagai balasan terhadap dasar perdagangan antarabangsa. Walaupun langkah ini mungkin memberi kesan positif kepada ekonomi AS, ia boleh membawa impak negatif kepada Malaysia, terutamanya dalam sektor eksport.
>
> *Sumber : https://www.astroawani.com/berita-malaysia*

(a) Jelaskan sekatan ekonomi yang dilaksanakan oleh Amerika Syarikat [4 *markah*]

(b) Dengan bantuan gambar rajah, jelaskan kesan isu pelaksanaan tarif ini ke atas pasaran produk eksport Malaysia. [7 *markah*]

(c) Kerajaan boleh mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kesan tarif 24% yang dikenakan oleh Amerika Syarikat terhadap produk eksport negara.
Huraikan secara terperinci. [9 *markah*]